

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI ISNIN : 21 OKTOBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA NO. 47)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Pelan Kementerian untuk menoktahkan kes-kes buli di hospital dan klinik Kerajaan untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan mental pekerja kesihatan kita terjaga selepas kes bunuh diri oleh seorang doktor pakar yang dilaporkan dalam media baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umum, gejala buli dalam organisasi boleh membawa pelbagai kesan negatif seperti menurunkan produktiviti, menjejaskan moral pekerja, dan menyebabkan masalah kesihatan mental. Sebagai sebuah kementerian yang menerajui sektor kesihatan, pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan bagi menoktahkan isu buli ke arah memelihara kesejahteraan mental petugas di KKM.
2. Secara prinsipnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak berkompromi dengan isu buli. Berdasarkan aduan kes-kes buli sebelum ini, KKM mengambil sikap tegas dan telus dengan melaporkan hasil siasatan selepas siasatan selesai dijalankan.
3. Bagi memastikan isu buli mudah diadu dan ditangani secara telus, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 1 Oktober 2022 telah melancarkan sistem aduan buli secara dalam talian iaitu sistem MyHELP bagi membolehkan pegawai menyalurkan aduan mengenai insiden buli terus kepada Unit Integriti, Ibu Pejabat KKM tanpa perlu melalui penyelia atau ketua jabatan.
4. Pelbagai program dan aktiviti dijalankan bagi menjaga kebajikan dan memelihara kesejahteraan mental dalam kalangan petugas kesihatan, antaranya:
 - (a) memberi sokongan emosi dan intervensi awal berkaitan kesihatan mental kepada petugas kesihatan yang memerlukan, melalui Talian Krisis Kesihatan Mental atau dikenali sebagai Talian HEAL 15555 yang dikendalikan oleh Pegawai Psikologi, KKM;
 - (b) memperluas perkhidmatan kaunseling oleh Pegawai Psikologi terlatih serta Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB);

- (c) menyediakan program sokongan kepada pegawai perubatan dan petugas kesihatan lain yang dinamakan sebagai “Kintsukuroi” di hospital tertentu;
- (d) Memperkenalkan program *House Officer Encouragement and Reassurance Through Sharing and Support (HEARTS)* di peringkat hospital bagi memberi sokongan dan membina daya tahan pegawai perubatan siswazah;
- (e) menyediakan platform digital, MyMinda menerusi aplikasi MySejahtera bagi memperluaskan perkhidmatan kesihatan mental. Melalui aplikasi ini, semua petugas kesihatan boleh melaksanakan saringan kesihatan mental sendiri di samping mendapatkan informasi dan bahan psiko-pendidikan serta akses kepada talian bantuan sokongan psikososial;

mewujudkan Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS)* di peringkat negeri daerah dan hospital yang akan turun ke lapangan bagi mengenal pasti petugas kesihatan yang memerlukan bantuan awal psikologi atau *Psychological First Aid (PFA)*;

- (f) membekalkan petugas kesihatan dengan *Mental Health Alert Card* sebagai panduan untuk persediaan kesihatan mental apabila bertugas di lapangan terutamanya dalam situasi krisis dan bencana.

5. KKM juga bakal mengeluarkan “**Garis Panduan Pengurusan Buli di Tempat Kerja Bagi Anggota KKM**” menerusi Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH). Garis panduan ini bertujuan meningkatkan kesedaran petugas kesihatan berhubung isu buli di tempat kerja, menjelaskan prosedur pelaporan, langkah-langkah pencegahan dan intervensi terhadap individu dan organisasi bagi memelihara kesejahteraan fizikal dan mental anggota serta mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan harmoni, bebas daripada ancaman buli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN
ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pandangan Kementerian terhadap cadangan mewujudkan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC) dan apakah langkah-langkah tambahan yang sedang diperincikan Kementerian bagi menyokong pembeli rumah pertama dan memulihkan industri hartanah di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa memberikan **komitmen yang berterusan** dalam memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*)**.

Suka saya maklumkan kepada sidang dewan bahawa **sehingga 30 September 2024, sebanyak 443, 259 unit rumah (89%)** yang telah siap, dalam pembinaan dan perancangan di seluruh negara. Ini bermakna, sasaran penyediaan 500,000 rumah mampu milik (RMM) hanya berbaki sebanyak **56,741 unit rumah dan KPKT yakin mampu menyelesaikan projek RMM ini pada penghujung pelaksanaan RMKe-12 ini**.

Berdasarkan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), terdapat peningkatan yang signifikan dalam aktiviti pengurusan hartanah pada setengah tahun pertama bagi tahun 2024, berbanding 2023, dengan **peningkatan 8% jumlah transaksi melibatkan 198,906 unit hartanah yang turut melonjak 23.8% kepada jumlah nilai keseluruhan sebanyak RM105.65 bilion, berbanding tahun 2023**.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, **pada tahun 2022 Kerajaan telah memperkenalkan Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-Miliki)** di mana pembeli rumah pertama juga boleh menikmati manfaat **pengecualian atau peremitan duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pembiayaan bagi kediaman bernilai RM1 juta dan ke bawah**. Namun, inisiatif ini telah **tamat pada 31 Disember 2023**.

Berdasarkan pelaporan yang diperoleh daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), **sehingga 31 Disember 2023 sebanyak 8,723 tuntutan pengecualian duti setem bernilai RM38,373,796.52** telah direkodkan. Mengambil kira prestasi memberangsangkan melalui pelaksanaan inisiatif i-Miliki, KPKT telah **memohon pertimbangan Kerajaan untuk meneruskan inisiatif tersebut** agar lebih banyak pembeli dapat menerima manfaat terutama golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40).

Selain itu, dalam mendukung hasrat dan prinsip MADANI untuk menjaga kepentingan dan keperluan rakyat, Kerajaan juga masih **meneruskan pelaksanaan *Home Ownership Campaign 2.0 (HOC 2.0)*** yang telah bermula pada **1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2025**. Menerusi HOC 2.0 ini, **pembeli rumah pertama** akan diberikan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pembiayaan bagi kediaman **bernilai RM500,000 ke bawah**. Pengecualian duti setem ini boleh dinikmati bagi pembelian **kediaman baharu** daripada pemaju mahu pun kediaman dalam **pasaran sekunder**.

Melihat kepada sambutan yang memberangsangkan dalam program terdahulu, Belanjawan 2025: Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat telah memperuntukkan lagi insentif bagi menggalakkan pemilikan rumah pertama, dengan **pelepasan cukai individu sehingga RM7,000 ke atas bayaran faedah pinjaman perumahan** seperti berikut:

- i. Pelepasan cukai sehingga RM7,000 diberikan bagi rumah kediaman berharga sehingga 500 ribu ringgit; dan
- ii. Pelepasan cukai sehingga RM5,000 diberikan bagi rumah kediaman berharga melebihi RM500 ribu hingga RM750 ribu.

Pelepasan ini boleh dituntut bagi **tiga tahun taksiran berturut-turut** ke atas perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027**.

Selain itu, Kerajaan akan terus **menjamin pembiayaan perumahan sehingga RM10 bilion bagi manfaat 20 ribu pembeli rumah**. Sebagai tambahan, **hampir RM900 juta bagi melaksanakan 48 Program Residensi Rakyat (PRR) dan 14 projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) termasuk dua projek PRR baharu di Port Dickson dan Seberang Perai Tengah turut diperuntukkan melalui Belanjawan 2025**.

KPKT komited dan akan terus giat mengkaji serta meneroka pelbagai inisiatif dan penyelesaian agar kesejahteraan ekonomi dan sosial dapat diseimbangkan di mana rakyat mempunyai akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan projek berimpak tinggi yang telah berjaya dilaksanakan di Parlimen Kudat dalam RMKe-12. Apakah perancangan Kerajaan memaksimumkan penerokaan peluang *Blue Economy* khususnya di Parlimen Kudat yang kelak menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi negara dan pembasmian kemiskinan di Parlimen Kudat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan sejumlah 84 projek pembangunan dalam RMKe-12 dengan kos keseluruhan RM2.02 bilion di Parlimen Kudat seperti projek bekalan air, menaik taraf jalan dan jambatan, pembinaan bangunan di sekolah dan lain-lain lagi.

2. Pada masa ini, Kerajaan sedang membangunkan Rangka Tindakan Ekonomi Biru Malaysia yang dirangka secara holistik dan inklusif. Rangka Tindakan ini bertujuan memanfaatkan sepenuhnya sumber lautan di Malaysia bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara di samping memelihara ekosistem dan sumber marin secara mampan. Bagi tujuan tersebut, satu Kajian Rangka Tindakan Ekonomi Biru Malaysia sedang dilaksanakan mulai 26 Ogos 2024 dengan tempoh siap selama 12 bulan.

3. Antara tumpuan utama yang akan diberi perhatian di dalam Rangka Tindakan Ekonomi Biru Malaysia adalah seperti berikut:

i. Pengembangan Sektor Perikanan dan Akuakultur

Melalui pemodenan sektor perikanan dan pembangunan akuakultur yang mampan, komuniti nelayan di seluruh Malaysia akan menerima manfaat, termasuk peningkatan pendapatan dan peluang pekerjaan dalam industri pemprosesan hasil laut serta pemasaran.

ii. Pelancongan Maritim dan Pesisir Pantai

Malaysia mempunyai potensi besar dalam pelancongan berasaskan lautan dan Kerajaan akan memberi sokongan kepada usaha-usaha pembangunan pelancongan maritim yang mampan. Ini termasuk memperkenalkan destinasi baru dan mempertingkatkan daya tarikan ekopelancongan di kawasan pesisir pantai, yang bukan sahaja akan meningkatkan ekonomi tempatan tetapi juga menarik pelaburan luar.

iii. Pemeliharaan dan Pengurusan Sumber Marin

Rangka Tindakan ini juga akan menekankan usaha pemeliharaan biodiversiti marin melalui pembentukan kawasan perlindungan marin yang lebih luas dan peningkatan inisiatif pemuliharaan ekosistem laut, memastikan sumber laut kita kekal terpelihara untuk generasi akan datang.

iv. Perneriksaan Komuniti Pesisir Pantai

Salah satu fokus utama Rangka Tindakan ini ialah memperkasa komuniti pesisir pantai dengan menyediakan latihan dan kemahiran dalam bidang-bidang berkaitan ekonomi biru. Ini termasuk kemahiran dalam perikanan, akuakultur, teknologi marin serta keusahawanan pelancongan. Dengan ini, komuniti pesisir pantai akan dapat mengambil bahagian secara langsung dalam aktiviti ekonomi yang lebih berdaya saing dan lestari.

4. Dengan pendekatan yang menyeluruh, Rangka Tindakan ini akan menyumbang kepada pembangunan yang lebih seimbang dan inklusif di seluruh negara, memastikan potensi ekonomi biru dimanfaatkan secara optimum selaras dengan keperluan nasional dan antarabangsa. Impak khusus dan hasil yang dijangkakan daripada pelaksanaan Rangka Tindakan ini akan dikenal pasti dengan lebih terperinci setelah kajian siap dilaksanakan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]
TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha dan tindakan yang telah dan akan dilakukan bagi menggilap bakat pemain dan membangunkan potensi pemain tempatan untuk mewakili pasukan bola sepak kebangsaan memandangkan kini Malaysia banyak menggunakan khidmat pemain naturalisasi untuk kejayaan di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara (MSN) sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) khususnya Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) untuk memastikan prestasi sukan bolasepak Negara berada pada tahap yang optimum.

Berkenaan usaha dan tindakan yang dilakukan bagi menggilap bakat pemain dan membangunkan potensi pemain tempatan, Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 telah memperuntukkan RM110 juta khusus untuk Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) bagi tempoh 2021 hingga 2025. PPBN ini merupakan pelan strategik jangka panjang bagi menghasilkan generasi baharu pemain bola sepak Malaysia yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Pada ketika ini, PPBN mempunyai 16,342 pelatih berumur antara 7 hingga 17 tahun yang sedang menjalani latihan di bawah bimbingan 756 jurulatih di 158 pusat latihan. Pada tahun 2024, seramai 8 pemain hasil daripada PPBN sedang beraksi dalam skuad kebangsaan, iaitu Harith Haikal, Arif Aiman, Haziq Aiman, Safwan Mazlan, Azan Azmi Nurad, Azim Al Amin dan Haqimi Azim.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan atau status pelaksanaan projek pembekalan air bersih di kawasan lapok, Pengelayan, Teru, Peking dan lain- lain kawasan di Parlimen Baram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat enam (6) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) di Parlimen Baram yang kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan iaitu:

- (i) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Long Lama, Bahagian Miri, Sarawak kini di peringkat penyediaan dokumen tender oleh perunding yang dilantik oleh Kementerian;
- (ii) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Long Laput, Bahagian Miri, Sarawak dalam peringkat pembinaan;
- (iii) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Baram Hilir, Bahagian Miri, Sarawak dalam peringkat rekabentuk oleh perunding;
- (iv) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Tinjar Fasa III, Bahagian Miri, Sarawak dalam peringkat pelantikan perunding;
- (v) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Bakong Hilir, Bahagian Miri, Sarawak dalam peringkat pelantikan perunding; dan
- (vi) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Alternatif Bahagian Miri, Sarawak dalam peringkat pelantikan perunding.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED
ABDUL RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan bagi mewujudkan klinik pakar baharu dan tempat letak kereta bertingkat di Hospital Sultanah Fatimah, Muar bagi menampung jumlah pesakit yang ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar dengan kapasiti 575 buah katil merupakan sebuah Hospital Pakar Major di bawah Kluster Johor Utara memberikan perkhidmatan kesihatan kepada seramai 320,000 orang penduduk.

2. Perancangan jangka masa panjang (RP2 RMK15) bagi memperkasakan perkhidmatan kepakaran di hospital ini adalah pembinaan blok tambahan bagi perkhidmatan kepakaran iaitu Klinik Pakar dan Rawatan Harian, Blok Tambahan Wanita dan Kanak-Kanak, sokongan klinikal dan bukan klinikal. Walau bagaimanapun, perancangan ini tertakluk kepada keupayaan penyediaan tenaga kerja dan peruntukan serta kelulusan Kerajaan.

3 Berkenaan isu parkir, terdapat sebanyak 712 lot kemudahan parkir disediakan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) Muar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 189 lot (27%) parkir / Tempat Letak Kereta (TLK) diperuntukkan untuk kegunaan kakitangan manakala selebihnya iaitu 523 lot (73%) adalah untuk kegunaan orang awam

4. Pelbagai usaha telah dirancang dan diambil dari semasa ke semasa bagi menambah baik pengurusan parkir di HPSF. Antaranya ialah pihak hospital telah bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Muar untuk menyediakan kawasan TLK tambahan di tapak kosong milik Kerajaan Negeri yang bersebelahan dengan TLK sedia ada hospital. TLK ini menyediakan tambahan 120 lot TLK dan sedang digunakan oleh pesakit dan pelawat hospital secara percuma. Pada masa ini juga, pihak hospital telah mengenal pasti beberapa kawasan hijau dalam hospital untuk dinaik taraf menjadi lot-lot TLK seterusnya dapat menambahkan lagi jumlah TLK sedia ada di HPSF.

5. Penyediaan TLK mekanikal bertingkat dan *valet parking* seperti di Hospital Selayang dilaksanakan secara kerjasama dengan syarikat swasta. Usaha ini sedang diperluaskan kepada hospital-hospital yang

NO SOALAN : 14

mempunyai cadangan pelaksanaan bersama dengan pihak syarikat swasta.

6. Pelbagai aspek berhubung penambahbaikan pengurusan tempat letak kereta termasuk TLK mekanikal perlu diperhalusi seperti kesesuaian tapak, kesediaan pihak syarikat untuk membuat pelaburan dan penerimaan orang awam terhadap bayaran perkhidmatan pengurusan TLK yang akan dikenakan sebelum ianya dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan pelaksanaan Model Pembangunan Belia MADANI (MPBM) 2030 khususnya dalam menghadapi senario semasa belia seperti mana yang diberikan perhatian dalam dokumen MPBM 2030 seperti isu keupayaan pemilikan rumah belia, kadar kemiskinan nasional dan pendapatan belia serta isu persekolahan dan kesihatan mental.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil pendekatan meneruskan inisiatif dan program yang baik daripada pentadbiran sebelum ini antaranya dengan meneruskan pelaksanaan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM2030).

KBS melalui kerjasama dengan Kementerian/ Agensi lain telah menggerakkan usaha melaksanakan strategi dan inisiatif dalam Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM2030) bagi menangani isu-isu belia. Antaranya, kerjasama KBS dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menangani isu kesihatan mental belia dengan membangunkan Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23) bagi mengukur tahap kesihatan mental belia berumur antara 15 hingga 30 tahun.

KBS sedang membangunkan pelan tindakan bagi pelaksanaan strategi dan inisiatif yang terkandung dalam MPBM2030. Pembangunan pelan tindakan ini sedang melalui peringkat perbincangan Kumpulan Kerja Teknikal melibatkan kementerian dan agensi, kerajaan negeri, media, institusi pendidikan, badan penyelidikan, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan belia dan badan korporat.

Pelan tindakan ini dijangka siap pada suku pertama tahun 2025 dan pelaksanaannya kelak mengambil kira isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh belia antaranya pengangguran, peluang pekerjaan, ekonomi, pendidikan, kesihatan mental dan jurang digital.

NO SOALAN : 15

Pelaksanaan strategi dan inisiatif pelan tindakan ini turut melibatkan inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi kerajaan masing-masing melalui pendekatan Whole of Government berdasarkan peranan membangun dan memperkasakan belia turut dilaksanakan oleh pelbagai pihak terutamanya kementerian dan agensi.

Dalam pada itu, isu belia juga merupakan isu rentas Kementerian dan Agensi yang mana banyak inisiatif yang memberikan manfaat secara langsung dan tidak langsung kepada golongan belia berada di bawah seliaan Kementerian dan Agensi tersebut. Bagi memudahkan penyelarasan isu dan inisiatif berkaitan belia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Selain penyelarasan, mesyuarat yang turut melibatkan semua ahli Jemaah Menteri ini turut membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan secara bersama bagi meningkatkan kualiti hidup generasi belia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status bantuan atau pampasan yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri KPKM kepada pengusaha kupang di Sebatu Jasin yang mendakwa kerugian hampir RM2 juta akibat tidak dapat menjual kupang yang di usahakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan pengusaha kupang di Sebatu, Jasin yang mengalami kerugian akibat tidak dapat menjual kupang yang diusahakan. Kerugian ini adalah disebabkan oleh kandungan toksin yang tinggi di dalam kupang dalam tempoh April sehingga Ogos 2024 yang telah disahkan oleh Institut Penyelidikan Perikanan, Batu Maung, Pulau Pinang yang mana boleh memudaratkan pengguna sekiranya memakan kupang tersebut.

Bagi mengurangkan beban yang dihadapi oleh pengusaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil inisiatif untuk membantu pengusaha ini melalui Tabung Bencana Pertanian (TBP) melibatkan peruntukan sebanyak RM220,759 kepada 107 orang pengusaha kupang dan kerang-kerangan yang terkesan di negeri Melaka dan Negeri Sembilan. Seramai 20 pengusaha kupang di Sebatu, Jasin telah menerima bantuan dengan nilai RM69,918.50 di bawah TBP.

Selain itu, KPKM melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga telah meluluskan bantuan berjumlah RM7,500 di bawah Program Tabung Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan (TBBAKN) kepada 15 orang penternak yang terjejas yang juga merupakan ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Jasin.

Berdasarkan pemantauan rapi DOF dan analisis makmal yang konsisten, keputusan terkini Laporan Toksin Kerang di Jasin pada 27 September 2024 menunjuk bacaan biotoksin adalah sebanyak 13.97 ppb iaitu di paras yang selamat dan aktiviti perikanan di kawasan tersebut boleh diteruskan seperti biasa.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melalui Pejabat Perikanan Negeri Melaka telah mengadakan promosi makan kerang-kerangan di Melaka menerusi Program Rasa-Rasa Akuakultur di Pasar Tani Merlimau pada 30 September 2024. Promosi sebegini dapat mengembalikan keyakinan pengguna untuk membeli dan makan kerang-kerangan dan seterusnya meningkatkan pengeluaran dan penjualan kerang-kerangan di Negeri Melaka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kriteria yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menyediakan kemudahan lampu solar di jalan-jalan Persekutuan dan juga jalan-jalan yang di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya dan berapa jumlah pemasangan lampu solar yang telah dilaksanakan di negeri Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lampu jalan solar merupakan inisiatif hijau selaras dengan pembangunan lestari yang lebih mesra alam kerana penjanaan tenaga elektrik dari sumber yang boleh diperbaharui. Lampu jalan solar telah mula dipasang oleh JKR pada tahun 2019 melalui pelaksanaan projek rintis.

Sehingga Oktober 2024, sebanyak 8,374 bilangan lampu jalan solar ini telah dipasang di Semenanjung Malaysia dengan tumpuan kawasan yang memenuhi kriteria utama seperti berikut:

1. kawasan yang jauh dari sistem grid elektrik;
2. kawasan yang sering berlaku kecurian kabel serta vandalisme; dan
3. kawasan yang kerap berlaku kemalangan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,044 bilangan lampu jalan solar ini telah dipasang di Johor sehingga kini. Ini termasuk 160 bilangan lampu jalan solar baharu yang dijadualkan selesai dipasang di bawah peruntukan Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya (jalan gelap) pada tahun 2024 ini..

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak JKR sentiasa menyokong inisiatif pemasangan lampu jalan solar ini. Teknologi lampu jalan solar ini telah beberapa tahun berada di pasaran dan JKR telah melaksanakan kajian kematangan produk dengan mengambil kira keperluan rekabentuk, teknikal dan penyelenggaraan. Kajian masih diteruskan dari semasa ke semasa bagi mengenalpasti teknologi terkini komponen-komponen lampu solar di pasaran yang lebih berdaya tahan (*reliable and resilient*) serta bersesuaian dengan iklim tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA) [LUMUT]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mekanisme yang diambil pihak Kementerian bagi memastikan kenaikan harga barangan keperluan tidak melebihi kemampuan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan keperluan dan kesejahteraan rakyat Malaysia dapat dipenuhi. Walaupun kadar purata inflasi menyederhana iaitu pada kadar 1.8% bagi bulan Januari hingga Ogos 2024, isu kenaikan harga barangan keperluan sentiasa dibangkitkan oleh rakyat. Susulan itu, pelbagai program dan inisiatif telah dikenal pasti dan dilaksanakan bagi memastikan kenaikan harga barangan keperluan tidak membebankan serta tidak melebihi kemampuan berbelanja rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Program ini, antaranya:

- Meningkatkan bekalan dan jaminan makanan menerusi pelbagai program pertanian di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), seperti:
 - Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan 2024 dengan kos sebanyak RM400 juta bagi pelaksanaan aktiviti pemantapan rantai makanan dan pengukuhan pemasaran;
 - Program Pemerksaan Industri Akuakultur dengan kos sebanyak RM30 juta yang antaranya menyasarkan peningkatan pengeluaran akuakultur sehingga 630,000 tan metrik menjelang 2025; dan
 - Program Jalinan Kerjasama dengan Kerajaan Negeri melibatkan peruntukan RM300 juta bagi meningkatkan hasil pengeluaran bawang di Perak, ikan talapia merah di Pahang dan padi di Negeri Sembilan; dan
- Meneruskan inisiatif Payung Rahmah bagi tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak RM300 juta. Sebagai contoh jualan rahmah akan diperhebat dengan menawarkan barangan asas pada harga murah dan dilaksana di semua Dun;

- Melaksanakan kawalan harga, terutama di musim perayaan bagi mengelakkan kenaikan melampau harga barangan;
- Mengekalkan program bantuan tunai Kerajaan dengan meningkatkan jumlah keseluruhan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Sara Hidup (SARA) kepada RM13 bilion bagi tahun 2025; dan
- Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memastikan harga yang berpatutan dan mengelakkan aktiviti pencatutan.

2. Semua inisiatif yang dilaksanakan ini bertujuan untuk melindungi kesejahteraan rakyat, terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana daripada terkesan dengan tekanan inflasi dan memastikan mereka mampu memenuhi keperluan asas untuk kehidupan yang lebih bermakna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI
ACHING [BEAUFORT]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melihat dan memperkasa Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 dalam memastikan Pemaju perumahan dapat menawarkan harga mampu milik kepada masyarakat, memandangkan harga rumah di pasaran pada masa ini terlalu tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa berusaha untuk memastikan kebajikan dan kemudahan rakyat diberi keutamaan, termasuk dalam aspek perumahan. Antara isu yang sedang dikaji penyelesaiannya termasuklah penjualan rumah oleh pemaju dengan harga rumah mampu milik (RMM).

Berdasarkan kajian oleh beberapa pihak dalam industri dan institusi penyelidikan, adalah didapati harga rumah ini **dipengaruhi oleh pelbagai faktor** antaranya **lokasi rumah yang strategik, kos pembinaan rumah, kos infrastruktur, kos tanah, kos pematuhan (*compliance cost*) serta keuntungan pemaju.**

Dalam hal ini, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang **memperhalusi dan menambah baik Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]**. Cadangan penambahbaikan ini bertujuan untuk memastikan **hak dan kepentingan pembeli rumah terpelihara** selain memperkasa tadbir urus dan pengurusan pemajuan perumahan yang efisien serta memudah cara pemajuan perumahan swasta ke arah kelestarian sektor dan industri perumahan.

Selain itu, sebagai usaha Kerajaan untuk mengawal harga rumah, KPKT telah memperkenalkan **Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM)**. Melalui DRMM ini, Kerajaan telah menetapkan **siling harga RMM pada RM300,000**. Walau bagaimanapun, siling harga RMM ini turut **tertakluk kepada dasar perumahan di peringkat negeri.**

KPKT juga sedang melaksanakan **pemetaan harga RMM** berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah yang diperolehi daripada tinjauan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022. Kaedah ini mengambil kira **median pendapatan rakyat mengikut lokaliti berdasarkan kaedah gandaan median (*median multiple*)**. Pemetaan ini bertujuan sebagai panduan kepada

pemaju serta agensi penyedia perumahan bagi penetapan harga jualan rumah di satu-satu lokaliti. Pemetaan harga RMM ini boleh diakses melalui **Dashboard Maklumat Rumah Mampu Milik** di laman web Malaysia *Urban Observatory* (MUO) iaitu <https://www.muo.gov.my>.

Bagi inisiatif tempoh jangka masa panjang, KPKT sedang **membangunkan Sistem Analitis Data Raya (BDA) Perumahan** yang berperanan sebagai repositori dan sumber rujukan pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor perumahan khususnya melibatkan perancangan pemajuan perumahan.

KPKT akan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan rakyat mendapat akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kadar penggunaan katil pesakit (occupancy rate) di semua Hospital Angkatan Tentera di seluruh negara. Adakah ianya mencukupi serta kesediaan HAT memberikan perkhidmatan kepada pesakit luar khususnya melibatkan golongan veteran Angkatan Tentera Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan purata penggunaan katil pesakit (*Bed Occupancy Rate*) di Hospital Angkatan Tentera, kapasiti yang ada adalah mencukupi dan mampu untuk menerima pesakit luar dalam situasi kecemasan terutamanya bagi golongan veteran. Sebagai contoh, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan menyediakan wad yang khusus untuk pesakit veteran, iaitu Wad Bunga Raya.

2. Secara ringkasnya, kadar penggunaan katil pesakit (*occupancy rate*) di semua Hospital Angkatan Tentera di seluruh negara adalah seperti jadual berikut:

Jadual : Penggunaan Katil Hospital Angkatan Tentera (HAT)

BIL	HOSPITAL	JUMLAH KATIL (TERSEDIA)	JUMLAH PENGUNAAN (OPERASI)
1.	94 HAT Terendak, Melaka	144	96
2.	HAT Tuanku Mizan, Kuala Lumpur	282	185
3.	96 HAT Lumut, Perak	150	110
4.	HAT Kota Kinabalu, Sabah	150	110
5.	HAT Kem Syed Sirajuddin, Gemas Negeri Sembilan	36	20

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN
JOHARI [SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan dan jangka masa yang akan diambil untuk memberi kanak-kanak bukan warganegara penjagaan kesihatan yang setara dengan kanak-kanak warganegara Malaysia, memandangkan Kerajaan sudah memberikan kadar yang sama kepada pasangan bukan warganegara di hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sentiasa cakna dan komited untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang inklusif kepada semua kanak-kanak di Malaysia termasuk kanak-kanak bukan warganegara dalam memenuhi deklarasasi *Universal Health Coverage (UHC)* tanpa mengira latar belakang sosio-ekonomi atau lokasi geografi.

2. Perkhidmatan ini boleh diakses menerusi fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan di seluruh negara seperti klinik kesihatan, klinik ibu dan anak, klinik desa, klinik komuniti dan klinik bergerak. Pada masa ini, skop perkhidmatan yang diberi setaraf dengan skop perkhidmatan yang diterima oleh kanak-kanak warganegara di negara ini. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah:

- (a) saringan bayi baru lahir seperti pemeriksaan fizikal, ujian darah untuk pengesanan *Congenital Hypothyroidism* dan *G6PD (Glucose-6 Phosphate Deficiency)* dan ujian neonatal jaundis teruk (*Severe Neonatal Jaundice*);
- (b) pemeriksaan Antropometri termasuk timbang berat dan ukur tinggi;
- (c) pemantauan pertumbuhan dan perkembangan tubuh menerusi penggunaan Carta Pertumbuhan;
- (d) penilaian status pemakanan;
- (e) saringan untuk pengesanan kecacatan dan keabnormalan (*disability*) contohnya, pengesanan Autisme menggunakan *M-CHAT (Modified Checklist for Autism)*;
- (f) pengesanan awal penyakit dan rujukan;
- (g) rawatan rehabilitasi; dan
- (h) aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan.

3. Pesakit warganegara asing yang mendapat perkhidmatan kesihatan di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan akan dikenakan caj penuh tanpa subsidi di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Kos

Perkhidmatan) 2014. Namun, Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Kos Perkhidmatan) 2014 menggariskan empat (4) kategori pesakit warganegara asing yang layak dikenakan caj pada kadar sebagaimana pesakit warganegara iaitu:

- (a) pemastautin tetap yang memegang suatu kad pengenalan di bawah Perenggan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990;
- (b) bukan warganegara merupakan pasangan kepada warganegara Malaysia yang memiliki dokumen perkahwinan yang sah;
- (c) kanak-kanak warganegara asing yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa atau ibunya adalah warganegara Malaysia atau pemastautin tetap di Malaysia; dan
- (d) kanak-kanak warganegara asing yang berumur hingga 18 tahun yang diambil sebagai anak angkat kepada pasangan suami-isteri warganegara dengan sijil pengangkatan yang sah.

4. Sebarang pengecualian caj perubatan ke atas pesakit warganegara asing yang mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan adalah tertakluk kepada pertimbangan kelulusan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan selaras dengan punca kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah Perenggan 15, Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

5. Sebagai contoh, pengecualian caj perkhidmatan imunisasi bagi vaksin polio diberi kepada semua kanak-kanak bukan warganegara berumur 7 tahun ke bawah sejak Januari 2022 sebagai langkah pencegahan wabak polio dari berulang. Memandangkan vaksin polio di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan adalah dalam bentuk vaksin kombinasi enam serangkai (Difteria-Tetanus-Pertussis-Polio-Hepatitis B-Haemophilus influenzae Type-b), maka kanak-kanak yang menerima suntikan vaksin polio turut terlindung dari risiko jangkitan Difteria, Tetanus, Pertussis, Hepatitis B dan Haemophilus influenzae Type-b. Setakat ini, pemberian pengecualian perkhidmatan imunisasi bagi polio telah memberi manfaat kepada sejumlah 9,446 kanak-kanak bukan warganegara pada tahun 2023.

6. Selain itu, Kementerian Kesihatan pada tahun 2023 dan tahun 2024 telah meluluskan pelbagai pengecualian caj imunisasi kepada kanak-

NO SOALAN : 21

kanak warganegara asing di bawah Program *Supplementary Immunization Activity* (SIA) bagi mengekang penularan penyakit berjangkit terutamanya *Measles*, *Measles Rubella* (MR), *Measles Mumps Rubella* (MMR), *Pertussis* dan Difteria di lokaliti terpilih seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G.
KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G. KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bolehkah Kementerian membuat kajian semula reka bentuk Lebuhraya Pan-Borneo memandangkan sistem reka bentuk sedia ada tidak mengambil kira keadaan setempat misalnya culvert dan perparitan di Kg. Kolopis, Penampang terlalu kecil dan tidak dapat menampung pengaliran air sungai dan tali air mengakibatkan banjir kilat sering berlaku bila hujan lebat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Lebuh raya Pan Borneo (LPB) Sabah Fasa 1 yang berdekatan dengan Kampung Kolopis, Penampang adalah melibatkan Pakej Kerja 06 iaitu projek Menaiktaraf jalan dari Putatan ke Inanam berspesifikasi U5 sepanjang 21.7 kilometer. Secara dasarnya, pelaksanaan projek LPB Sabah Fasa 1 adalah melibatkan menaiktaraf jalan raya sedia ada dan pembinaan jalan baharu, di mana rekabentuk jalan telah mengambil kira sistem perparitan dan saluran serta kadar taburan hujan di *Right of Way* (ROW) Jalan Persekutuan.

Langkah awal telah diambil semasa peringkat rekabentuk dengan kerjasama bersama pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah (JPS) dalam mengenal pasti kaedah mitigasi jangka sederhana dan jangka panjang kesan pelaksanaan Projek LPB Sabah Fasa 1. Cadangan rekabentuk seterusnya dibuat berdasarkan skop dan terma rujukan yang telah diselaraskan di pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah. Cadangan rekabentuk ini juga telah melalui Makmal Pengurusan Nilai dalam urusan penyediaan skop dan spesifikasi akhir.

Selain daripada itu, kaedah *Flood Simulation* juga digunakan di kawasan berisiko tinggi dan hasil mendapati bahawa pembinaan LPB Sabah Fasa 1 ini mematuhi spesifikasi dan kriteria sistem saluran yang diperlukan.

Berdasarkan kajian dan laporan daripada JKR Sabah, kawasan yang terkesan dengan insiden banjir di Penampang, Sabah selain daripada melibatkan Kampung Kolopis, ianya turut melibatkan Kampung Duvanson, Kampung Sugud dan Kampung Maang. Antara punca insiden banjir di kawasan-kawasan tersebut adalah taburan hujan luar biasa yang melebihi daripada taburan hujan purata menyebabkan Sungai Moyog di Penampang tidak mampu menampung kapasiti hujan yang luar biasa dan kawasan-kawasan yang terlibat adalah *flood-prone area*.

NO SOALAN : 22

Sebagai langkah mitigasi, kontraktor Pakej Kerja 06 telah diarahkan supaya membersihkan parit dan paip pembetung di Kampung Kolopis bagi mengelakkan kejadian banjir daripada berulang. Kerja-kerja pembinaan *open channel* turut dilaksanakan di Kampung Duvanson bagi memastikan aliran air lancar memandangkan paip pembentung sedia ada tidak dapat menampung kapasiti hujan yang luar biasa.

Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui JKR Sabah selaku Pegawai Penguasa Projek dengan kerjasama pihak JPS dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan terus memantau dari masa ke semasa serta bersedia untuk berbincang dan meneliti sebarang cadangan penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan projek LPB Sabah Fasa 1 ini dapat memberikan manfaat sepenuhnya, sekaligus menjadi pemangkin lonjakan baharu kepada sosio ekonomi rakyat Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menambah bilangan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) dalam Parlimen Libaran, yang mana setakat ini hanya memiliki 4 buah Pusat NADI sedangkan terdapat keperluan pusat sedemikian di kawasan luar bandar Parlimen Libaran seperti Kampung Dandulit dan Kampung Ulu Dusun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2024, terdapat 969 NADI sedang beroperasi di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 118 NADI kini beroperasi di negeri Sabah termasuk empat NADI di kawasan Parlimen Libaran yang terletak di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Gum-Gum, PPR Taman Murni, Kg Sebait Padas dan Kg Sungai Kayu.

Seiring dengan inisiatif 1 DUN 1 NADI, Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersedia mempertimbangkan permohonan bagi menambah NADI baharu di Parlimen Libaran tertakluk kepada keperluan dan penilaian yang akan dijalankan kelak. Buat masa ini, penduduk di Parlimen Libaran dialu-alukan untuk memanfaatkan NADI yang sedia ada.

Pengoperasian NADI di Parlimen Libaran telah diperkasakan dengan Perkhidmatan Pintar yang menawarkan pembelajaran yang meliputi lima teras iaitu keusahawanan, e-pembelajaran sepanjang hayat, kesejahteraan sendiri, program kesedaran atau advokasi dan inisiatif Kerajaan. Perkhidmatan ini adalah usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : **21 OKTOBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk menaik taraf klinik kesihatan di Pakan dan Julau. Adakah perancangan untuk membina baru sebuah poliklinik di Parlimen Julau dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek pembinaan Klinik Kesihatan Julau dengan kuarters dan Pejabat Kesihatan Daerah Julau telah pun diluluskan dalam *Rolling Plan-1* RMKe-12. Projek ini bakal menyediakan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan dijangka siap pada tahun 2028.
2. Manakala Klinik Kesihatan Pakan, telah menerima peruntukan berjumlah RM650,000.00 pada tahun 2024 bagi kerja baikpulih bangunan klinik serta sistem kejuruteraan yang dijangka siap pada hujung tahun 2024. Cadangan projek Klinik Kesihatan Pakan baharu (gantian) akan dimohon dalam RP1 RMKe-13.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa jumlah beras yang diimport dari luar negara dan pecahan negara pengimport serta apakah tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk menangani kebergantungan bekalan beras dari luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2024, sebanyak 1,358,718 tan metrik beras telah diimport ke dalam negara dengan pecahan mengikut negara pengimport adalah seperti berikut:

Bil.	Negara	Jumlah Import Beras (Tan Metrik)
1.	Thailand	178,056
2.	Vietnam	549,824
3.	Pakistan	349,832
4.	Kemboja	38,397
5.	India	229,451
6.	Taiwan	170
7.	Korea	250
8.	Jepun	142
9.	Indonesia	13
10.	Myanmar	12,575
11.	Sepanyol	8

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, KPKM sedang melaksanakan pelbagai inisiatif yang meliputi pelan jangka pendek, sederhana dan jangka masa panjang bagi memastikan produktiviti hasil padi yang stabil, mengurangkan import beras sekali gus menyumbang kepada peningkatan pendapatan pesawah. Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah melalui peningkatan produktiviti hasil padi seperti berikut:

- (i) **Menggalakkan Penggunaan Teknologi dan Menambah Baik Pengurusan Penanaman Secara Sistemik:** KPKM menggalakkan penggunaan teknologi pertanian seperti dron dan jentanam untuk meningkatkan hasil padi melalui program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan yang telah mencatatkan peningkatan purata hasil padi sehingga 10.45 tan metrik per hektar sekali gus meningkatkan pendapatan pesawah

dan mengurangkan bebanan kepada kos penanaman padi yang ditanggung mereka;

- (ii) Memperkenalkan Varieti Padi Baharu:** KPKM juga menggalakkan para pesawah untuk mengguna pakai varieti padi baharu hasil daripada proses penyelidikan dan pembangunan yang berterusan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Pada tahun 2024, MARDI telah memperkenalkan dua (2) varieti padi spesialiti baharu berkualiti tinggi untuk meningkatkan hasil dan pendapatan pesawah di negara ini iaitu varieti padi wangi tempatan MRQ 107 dan MRQ 111 yang mampu menjana hasil tuaian melebihi lima metrik tan per hektar dengan pengurusan yang baik. Kedua-dua varieti ini mempunyai tahap kerintangan yang baik terhadap penyakit karah daun dan karah tangkai, lebih berdaya tahan, lebih rintang penyakit dan lebih berhasil tinggi. Sehubungan dengan itu, penggunaan varieti padi baharu ini dijangka dapat membantu para pesawah dalam menghadapi pelbagai isu seperti serangan penyakit dan makhluk perosak, bencana alam dan sebagainya;
- (iii) Menyediakan Latihan berkaitan Pengurusan Penanaman:** Pelbagai kaedah latihan berterusan yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian juga disediakan bagi membantu pesawah melaksanakan intervensi segera jika sebarang musibah berlaku. Melalui pelaksanaan program-program peningkatan hasil padi seumpama ini, Kementerian menjangkakan para pesawah di seluruh negara akan dapat meningkatkan pendapatan mereka sehingga 50 peratus semusim; dan
- (iv) Menggalakkan Pesawah Memperoleh Pensijilan MyGAP:** Pensijilan MyGAP dan insentif khas di bawah Jabatan Pertanian disediakan bagi menggalakkan penyertaan pesawah. Kesemua usaha dan langkah ini dilihat mampu memberi dorongan kepada pesawah dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]
TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kompleks Kesihatan di Laya-Laya, Tuaran yang melibatkan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 2 dan juga Pejabat Kesihatan Tuaran selesai dibina dan berapa peruntukan yang telah disediakan untuk tujuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia telah diluluskan Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 2) dengan Kuarters dan Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran, Sabah sebagai projek baharu di bawah *Rolling Plan 5*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP5, RMK 12) pada tahun 2025.
2. Skop projek yang dimohon merangkumi pembinaan sebuah Klinik Kesihatan Jenis 2, Blok Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran, 8 unit Kuarters Kelas D, 40 unit Kuarters Kelas F, perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan serta perkakasan dan sistem ICT. RM50,000.00 telah diluluskan bagi tahun 2025 untuk melaksanakan kerja-kerja awalan bagi pelaksanaan projek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK
JAEM [SERIAN]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta MENTERI
KESIHATAN menyatakan bila sebenarnya Klinik Kesihatan Jenis 3
Serian akan beroperasi sepenuhnya.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2024, kemajuan fizikal Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Serian, Sarawak adalah 99.95% (Sebenar) berbanding 100% (Jadual). Pihak Jabatan Kerja Raya Sarawak selaku Agensi Pelaksana projek menjangkakan projek ini dapat siap sepenuhnya pada bulan Disember 2024. Seterusnya, Kementerian ini juga menyasarkan klinik ini mula beroperasi pada suku pertama tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB
[TENGGARA]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah yang dilaksana Kementerian bagi menambah baik dan memperbaiki fasiliti usang di kem serta rumah keluarga tentera di seluruh negara khususnya di dalam Parlimen Tenggara dalam usaha menyediakan persekitaran yang lebih selesa dan selamat kepada mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha untuk memastikan kebajikan anggota tentera dan keluarga kekal terpelihara supaya mereka teguh bersemangat untuk menyumbang khidmat bakti kepada negara dengan sebaiknya. Sehubungan dengan ini, Kementerian Pertahanan sentiasa melaksanakan senggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) sedia ada di seluruh negara melalui peruntukan tahunan yang diterima. Dua agensi pelaksana telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan senggaraan tersebut iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP), Markas Angkatan Tentera Malaysia.

2. Parlimen Tenggara juga turut menerima manfaat ini khususnya di Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) Ulu Tiram melalui kerjasama menaik taraf bangunan pejabat sebanyak RM276,750.00, senggaraan pagar keselamatan sebanyak RM2.79 juta, senggaraan 17 buah RKAT RM555,413.00 dan senggaraan 11 buah penginapan bagi anggota bujang sebanyak RM500,000.00.

3. Kementerian Pertahanan melalui ATM akan sentiasa menyemak dan memantau keperluan menambah baik dan memperbaiki fasiliti usang di kem serta RKAT di seluruh negara dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
[KEPONG]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kerugian Kerajaan dan punca Kapal Diraja Pendekar yang karam pada Ogos lalu. Berapa buah kapal laut, kapal selam, kereta kebal, helikopter dan pesawat milikan Angkatan Tentera Malaysia yang berusia lebih daripada 30 tahun daripada tahun pembuatannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menubuhkan Lembaga Siasatan Khas bagi menyiasat kemalangan yang menimpa KD PENDEKAR ketika sedang melaksanakan operasi di dua batu nautika Tenggara Tanjung Penyusup, Johor pada Ogos yang lalu.

2. Walau bagaimanapun, perkara ini masih perlu diperhalusi dengan lebih lanjut melalui penyiasatan fizikal ke atas kapal setelah diapungkan kelak. Dalam hal ini, pihak TLDM sedang melaksanakan kerja salvaj ke atas kapal tersebut dan mengenal pasti serta memastikan kesemua peralatan di dalam kapal berada dalam keadaan baik dan tidak hilang. Berdasarkan laporan terkini, kapal ini telah berjaya diapungkan dan kini berada di Yard Tanjung Belungkor. Laporan lengkap mengenai punca kemalangan dan jumlah kerugian hanya boleh ditentukan setelah siasatan rapi selesai.

3. Jumlah aset milik ATM yang melebihi 30 tahun secara keseluruhannya adalah 108 unit bagi Tentera Darat, 29 unit bagi TUDM dan 34 unit bagi TLDM. Secara asasnya, had usia guna aset-aset ketenteraan adalah berbeza mengikut fungsi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perubahan berasaskan reformasi terhadap sistem kesihatan yang lebih baik dan mampan. Apakah alternatif, jika tiada pertambahan belanjawan secara besar-besaran, yang Kerajaan akan laksanakan untuk menambah baik keadaan kerja dan gaji untuk petugas kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pergantungan kepada pertambahan belanjawan secara besar-besaran adalah antara kekangan untuk mereformasikan sistem kesihatan. Oleh itu, pendekatan yang lebih kreatif diperlukan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan sektor awam dapat terus diakses oleh semua lapisan masyarakat dengan kos yang minimum, sambil menyediakan pilihan berpatutan kepada mereka yang menginginkan perkhidmatan kesihatan nilai tambah.

2. Sebagai contoh, kerajaan sedang memperkenalkan inisiatif Rakan KKM, yang bertujuan memperkasakan sistem penjagaan kesihatan awam serta menangani isu penghijrahan profesional kesihatan (dengan izin, *brain drain*). Rakan KKM akan menawarkan opsyen perkhidmatan kesihatan dengan nilai tambah kepada pesakit berbayar. Inisiatif ini bukan sahaja menyediakan pilihan lebih luas kepada rakyat, tetapi juga meningkatkan gaji dan kebajikan petugas kesihatan.

3. Mekanisme Rakan KKM ini akan menggalakkan pelaburan tambahan untuk menambahkan kapasiti hospital. Dengan prinsip solidariti, pesakit yang mampu membayar, pasukan penjagaan kesihatan, dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) akan bersama-sama menyumbang kepada peningkatan perkhidmatan kesihatan awam. Melalui pelaksanaan di lima hospital KKM terpilih sebelum diperluas ke hospital pakar lain di seluruh negara, Kementerian Kesihatan yakin bahawa inisiatif ini akan menjadi pemangkin dalam usaha kita untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan.

4. Kerajaan sedang menilai keperluan hospital-hospital KKM yang sibuk bagi memastikan pelaburan tambahan bagi menaik taraf wad sedia ada atau membina blok baru, agar dapat menampung peningkatan permintaan. Inisiatif Rakan KKM ini bukan sahaja menyediakan penyelesaian jangka panjang yang lebih mampan, tetapi juga akan meningkatkan daya saing sistem kesihatan awam Malaysia. Ia membolehkan Kementerian Kesihatan terus memastikan sistem

NO SOALAN : 30

kesihatan yang berkualiti tinggi, berdaya tahan, dan menyeluruh untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengabaikan kesejahteraan petugas kesihatan kita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : **21 OKTOBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini perancangan membina baru Klinik Kesihatan Langkon. Adakah projek ini akan diteruskan memandangkan keperluan mendesak untuk warga setempat dan perlunya sebuah klinik kesihatan yang baru memandangkan klinik kesihatan yang ada sekarang yang sangat uzur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM sedang meneliti semula hala tuju Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 6) dengan Kuarters di Langkon, Kota Marudu, Sabah. Penelitian hala tuju projek dibuat kerana JKR Sabah mendapati terdapat isu kerja-kerja penambakan tanah dan laluan masuk yang tidak dapat diselesaikan sekian lama. Tambahan pula, maklum balas yang diterima daripada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sabah mendapati skop projek juga perlu diperluaskan bagi menampung keperluan semasa penduduk setempat.
2. Oleh yang demikian, JKN Sabah sedang mengenal pasti tapak baharu yang lebih sesuai bagi menggantikan tapak asal. Permohonan semula projek akan diangkat semula sebagai keutamaan KKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana perubahan dalam pasaran kerja seperti peningkatan pekerjaan 'freelance' dan 'remote work' mempengaruhi ekonomi Malaysia serta langkah-langkah untuk menyesuaikan dasar pekerjaan dengan trend ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menyedari situasi semasa pasaran buruh negara yang berubah dari semasa ke semasa mengikut revolusi industri dan trend ekonomi global. Peningkatan pekerjaan '*freelance*' dan '*remote work*' terutama selepas pandemik turut mempengaruhi ekonomi Malaysia.

Antara kesan utama perubahan yang berlaku dalam pasaran buruh ialah peningkatan keperluan fleksibiliti dan kepelbagaian dalam pekerjaan, perkembangan ekonomi digital, peningkatan pekerjaan informal yang memberi cabaran kepada perlindungan sosial dan penyediaan latihan dan kemahiran.

Sehubungan itu, KESUMA menyedari keperluan untuk menyesuaikan dasar pekerjaan dengan trend ini dan melaksanakan inisiatif berikut:

- i. Meminda Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2023. Pindaan ini merangkumi perkara baharu berhubung kemudahan Aturan Kerja Fleksibel dimana pelaksanaan Amalan Keseimbangan Kerja atau *Work-Life Practices* diperluaskan ke semua sektor yang bersesuaian bagi memberi keseimbangan antara kerja dan kehidupan harian untuk mewujudkan persekitaran kerja yang mesra keluarga.
- ii. Lanjutan itu KESUMA melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sentiasa menggalakkan para majikan untuk melaksanakan *Work-Life Practices* (WLPs) yang bertujuan memberi keseimbangan yang lebih baik antara kerja dan kehidupan merangkumi tiga (3) kategori utama iaitu:
 - a) ***Flexible Work Arrangements (FWAs)*** yang memberikan fleksibiliti kepada pekerja melalui kaedah bekerja dari

rumah. Garis panduan untuk rujukan industri bagi pelaksanaan FWAs telah dikeluarkan kepada majikan bagi membantu menyusun strategi untuk mengamalkan amalan FWAs secara efektif menerusi pendekatan **advokasi, kepimpinan dan fasilitasi**.

- b) **Work-Life Benefits**, menggalakkan majikan memberi insentif-insentif seperti Lanjutan Cuti Bersalin (*Extended Maternity Leave*), Cuti Bersalin untuk Bapa (*Paternity Leave*), Cuti Belajar (*Study Leave*) dan insentif-insentif yang lain;
 - c) Menyediakan **Family-Friendly Facilities** iaitu kemudahan yang ditaja oleh organisasi/ majikan di tempat kerja untuk memberi sokongan kepada ibu bapa yang bekerja; dan
- iii. Dalam konteks perlindungan sosial, KESUMA melalui PERKESO menyediakan perlindungan sosial di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang menyediakan Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Pengurusan Mayat, Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional dan Faedah Pendidikan kepada pencarumnya. Sehingga 27 September 2024, sebanyak 3,973 kes tuntutan faedah diluluskan melibatkan bayaran berjumlah RM18.83 juta;
- iv. Selain itu, KESUMA melalui PERKESO melaksanakan inisiatif Geran Padanan Caruman iaitu SPS Padanan Caruman dan SPS Madani di bawah Bajet 2024. Berdasarkan statistik PERKESO sehingga 27 September 2024 seramai 372,441 OBS telah dicarumkan menerusi inisiatif ini dengan jumlah insentif yang ditanggung Kerajaan sebanyak RM80.33 juta.
- v. Seterusnya dalam konteks penyediaan latihan pula, KESUMA melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD CORP) secara berterusan melaksanakan program latihan *upskilling* dan *reskilling*. HRD CORP juga telah menyediakan e-LATiH iaitu satu

NO SOALAN : 32

platform pembelajaran dalam talian. Terdapat lebih daripada 1,000 kursus percuma yang boleh diikuti oleh rakyat Malaysia atau pekerja yang berhasrat untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang pekerjaan tertentu. Melalui e-LATiH, pekerja berpeluang untuk meningkatkan kemahiran bagi menambah baik prospek pekerjaan mereka dan peluang menjawat jawatan yang lebih tinggi serta meningkatkan keupayaan penjana pendapatan mereka dengan gaji yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan dan hasrat untuk menaik taraf Lebuhraya Ipoh-Lumut, antaranya untuk menggantikan penggunaan lampu isyarat kepada pusingan U.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang dimaksudkan adalah Lebuhraya Ipoh-Lumut (FT 005) sepanjang 20.9 km.

Kementerian ini telah mengangkat permohonan melaksanakan Kajian Untuk Kebolehlaksanaan U-Turn Bagi Menggantikan Persimpangan Berlampu Isyarat Di Sepanjang Lebuhraya Ipoh-Lumut (FT005) Dari Seksyen 619.90 Hingga Seksyen 709.80, Perak Darul Ridzuan pada Rolling Plan 5 (RP 5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk kelulusan Agensi Pusat.

Walau bagaimanapun kelulusan bagi cadangan permohonan kajian tersebut akan dimaklumkan selepas pembentangan bajet kelak berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW
[BATU KAWAN]
TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan serta persediaan penganjuran Sukan SEA 2027 dan berapa peruntukan yang disediakan bagi penganjuran berkaitan mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 28 Ogos 2024 telah meluluskan cadangan untuk Malaysia menjadi tuan rumah temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2027.

Pada ketika ini, Kementerian sedang dalam proses menubuhkan Jawatankuasa Pengelola dan Sekretariat Sukan SEA 2027 melalui perbincangan dengan Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Paralimpik Malaysia, pelbagai kementerian berkaitan dan Kerajaan Negeri.

Anggaran kos penganjuran Sukan SEA 2027 adalah sebanyak RM700 juta berbanding RM608,741,085 bagi penganjuran Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur. Pihak Kementerian berpandangan Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2027 boleh dianjurkan dengan menggunakan pendekatan yang lebih berhemah, minimalis dan bersekala kecil. Kemudahan-kemudahan sedia ada sudah mencukupi untuk tujuan penganjuran dengan kos naik taraf yang lebih ekonomikal berbanding pembinaan venue pertandingan yang baru.

Penganjuran bagi Temasya Sukan SEA 2027 akan ditanggung secara bersama oleh kerajaan persekutuan, Kerajaan negeri dan badan korporat. Komitmen daripada kerajaan negeri adalah sebanyak RM 365 juta dengan masing-masing RM350 juta daripada kerajaan Sarawak dan RM15 juta daripada kerajaan Pulau Pinang.

Kerajaan negeri Sabah yang pada awalnya bersetuju dengan peruntukan sebanyak RM100,528,975 bagi pengelolaan secara bersama Sukan SEA 2027 telah memutuskan untuk menarik diri kerana kekurangan kemudahan yang bersesuaian.

Kementerian Belia dan Sukan juga akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak swasta dan korporat untuk mendapatkan penajaan dalam bentuk wang tunai dan barangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
[BATANG LUPAR]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di Parlimen Batang Lupar bagi meningkatkan purata *response time* Jabatan Bomba dan Penyelamat di kawasan ini berikutan terdapatnya kawasan perkampungan yang terpencil di sekitar daerah Pusa dan daerah kecil Sebuyau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ingin menzahirkan ucapan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat berhubung isu pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) baharu di kawasan Batang Lupar dalam memastikan aspek keselamatan serta keselesaan dapat terus dipertingkatkan kepada masyarakat setempat. Ia juga selari dengan hasrat kerajaan sedia ada melalui **Kerangka Strategik Malaysia MADANI** di bawah strategi **Meningkatkan Keselamatan Negara (Teras Strategik 3)**.

Melalui semakan terkini **Kajian Risiko Kebakaran (*fire cover analysis*)**, skor risiko di kawasan Pusa dan Sebuyau adalah **7 dan 11 markah**. Berdasarkan skor yang diperolehi, **kedua-dua kawasan tersebut mempunyai risiko tetapi pada skala yang rendah dan keperluan kepada penyediaan fasiliti kebombaian yang baharu adalah kurang mendesak**.

Walau bagaimanapun, keperluan penyediaan fasiliti kebombaian baharu di kawasan Batang Lupar telah pun dibuat penilaian melibatkan kawasan pembangunan rangkaian jalan pesisir pantai **di mana tapak yang sesuai bagi pembinaan BBP Sebuyau telah dapat dikenal pasti. Bagi pembinaan BBP Pusa pula, lokasi tapak juga telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan kerja-kerja awal perolehan tanah**. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini telah **membuat permohonan dalam *Rolling Plan* Lima RMKe-12 bagi kerja-kerja awalan tapak untuk kedua-dua BBP Pusa dan Sebuyau**.

Pada masa yang sama, kawasan Sebuyau juga mendapat sokongan awal khidmat kebombaan daripada **Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Pasar Sebuyau** dengan **keahlian seramai 40 orang**, yang dilengkapi dengan peralatan perlindungan diri, peralatan pemadaman dan sebuah kenderaan (Proton Arena) yang dibekalkan oleh JBPM Sarawak. **Jarak PBS dengan pekan Sebuyau adalah sejauh tujuh (7) kilometer yang mengambil masa 10 minit untuk sampai sekiranya terdapat sebarang insiden kecemasan.**

Kerajaan MADANI sentiasa fokus dan komited memastikan **tiada jurang dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan**, malah ia merentas kepelbagaian geografi penduduk selaras dengan prinsip ***Leave No One Behind.***

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG
[LAWAS]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI KEMAJUAN
DESA DAN WILAYAH** menyatakan bila akan diadakan pelaksanaan
bangunan MRSM yang telah diluluskan di Lawas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam sidang yang lalu, Kementerian sedang membuat penilaian serta mengkaji semula pelaksanaan projek-projek pembangunan mengikut keutamaan memandangkan terdapat peningkatan kos pembinaan yang ketara.

Pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) baharu termasuk MRSM Lawas sedang dikaji semula memandangkan terdapat peningkatan dalam kos pembinaan. Bagi MRSM Lawas, kos pembinaan asal berdasarkan Makmal Pengurusan Nilai yang dilaksanakan adalah sebanyak RM130.0 juta. Namun terdapat peningkatan kos pembinaan yang ketara bernilai RM21.67 juta, berdasarkan *Preliminary Detailed Abstract (PDA)* terkini, menjadikan kos keseluruhan pembinaan adalah sebanyak RM151.67 juta.

Sehubungan dengan itu, cadangan pembinaan MRSM Lawas ditangguhkan dan akan dibawa semula dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Tumpuan utama buat masa ini adalah perancangan untuk menangani isu-isu kritikal pengoperasian MRSM baharu dari segi perjawatan yang hanya mendapat *Contract of Service*.

Selain itu, Kementerian juga menumpukan kepada isu-isu berkaitan penambahbaikan infrastruktur/kemudahan fasiliti di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) di seluruh negara termasuk MRSM dan keutamaan diberikan kepada institusi yang berusia melebihi 15 tahun ke atas.

Selain itu, penambahbaikan dalam kemudahan pembelajaran dan pengajaran juga menjadi fokus utama yang perlu disediakan di MRSM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI
[BETONG]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan objektif utama program Model Pengeluaran Getah Negara (Petara) yang diperkenalkan oleh KKDW melalui RISDA. Berapa jumlah peruntukan yang disediakan serta bagaimana program ini dapat meningkatkan pengeluaran getah asli, memberi sokongan kepada pekebun kecil dan memastikan kelestarian sektor getah di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui RISDA telah menyediakan satu dasar dan garis panduan iaitu Model Pengeluaran Getah Negara (PETARA) yang bertujuan untuk meningkatkan luas kawasan kebun getah matang bertoreh dan seterusnya meningkatkan potensi pengeluaran getah negara khususnya daripada sektor pekebun kecil agar terus mampan.

Bantuan yang disediakan dalam pelaksanaan PETARA adalah dalam bentuk pemberian peralatan menoreh, bahan input pertanian, bantuan sokongan pemasaran, insentif pengeluaran dan peningkatan produktiviti serta insentif tenaga kerja. Antara program-program yang dilaksanakan bagi menjayakan PETARA adalah seperti berikut:

(a) Pengeluaran Hasil Getah Matang (PHGM)

Program memfokuskan kepada kebun getah matang iaitu telah sedia untuk mengeluarkan hasil selepas 5 tahun ditanam semula. Program dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pekebun kecil mengamalkan Good Agricultural Practices (GAP) supaya mencapai produktiviti pada tahap maksimum. Untuk tahun 2024, program ini mensasarkan seluas 7,219.36 hektar yang melibatkan lebih 3,800 penerima manfaat dengan peruntukan berjumlah RM18.46 juta. Bagi pelaksanaan PHGM di Sarawak, sejumlah RM453 ribu telah diperuntukkan melibatkan seluas 167.90 hektar kebun getah dan seramai 88 pekebun kecil disasarkan menerima manfaat. Manakala bagi kawasan Betong, sejumlah RM100 ribu diperuntukkan melibatkan seluas 36 hektar kebun getah dengan seramai 19 pekebun kecil.

(b) Program Pemulihan Kebun Getah Terbiar (PGT)

Program ini bertujuan memulihkan kebun-kebun yang terbiar supaya diusahakan semula bagi mengeluarkan hasil. Pelaksanaan program boleh dijalankan secara individu (bagi pekebun kecil yang mampu mengusahakan) atau melantik

NO SOALAN : 37

agen mengurus daripada Syarikat Milikan RISDA bagi menguruskan kebun berdasarkan perjanjian yang dipersetujui. Bantuan diberi dalam bentuk bekalan input pertanian dan bantuan penyelenggaraan kawasan. Berdasarkan penyaluran peruntukan sedia ada, program ini mensasarkan seluas 4,592.35 hektar kebun getah terbiar untuk dipulih secara berterusan serta melibatkan seramai lebih 2,417 orang pekebun kecil dengan peruntukan berjumlah RM10.97 juta. Bagi tahun 2024, sebagai permulaan, pelaksanaan PGT di Sarawak dimulakan di Bahagian Betong. Sejumlah RM656 ribu diperuntukkan melibatkan seluas 243.14 hektar kebun getah dan seramai 128 pekebun kecil disasarkan menerima manfaat.

Menerusi program ini, dianggarkan keseluruhan pengeluaran getah asli bagi Sarawak disasarkan meningkat kepada 719.32 MT/tahun produktiviti dihasilkan .

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KAR HING [GOPENG]

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TAN KAR HING [GOPENG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan data dan statistik berkenaan keberkesanan pemeliharaan sumber perikanan, pemuliharaan habitat setelah usaha-usaha seperti pelan transformasi vesel, penempatan nelayan serta kawasan-kawasan zon larangan pukut tunda dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sentiasa prihatin dan berusaha untuk memajukan sektor agromakanan melalui pelbagai inisiatif reformasi dan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak yang berkepentingan. Pelan transformasi vesel, penempatan nelayan serta kawasan-kawasan zon larangan pukut tunda telah dilaksanakan dalam usaha untuk memelihara sumber perikanan serta memulihara habitat selaras dengan agenda keterjaminan makanan negara.

Pelaksanaan zon larangan pukut tunda, penggunaan keroncong mata pukut berukuran 38mm dan penambahbaikan kualiti habitat di taman-taman laut gugusan Pulau Payar dan lain-lain *Marine Protected Area* (MPA) telah meningkatkan kadar tangkapan dan kewujudan semula spesies ikan yang telah dilaporkan pupus. Kewujudan semula ikan Shrumbu/Lemah atau nama saintifiknya *Lactarius lactarius* dalam pendaratan tangkapan ikan setelah sekian lama tidak didaratkan (1990-an) di perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia adalah petunjuk positif mengenai kejayaan pengurusan sumber perikanan. Berdasarkan Perangkaan Tahunan Jabatan Perikanan, sebanyak 3.6 tan ikan Shrumbu/Lemah telah didaratkan pada tahun 2021, manakala sebanyak 1.9 tan telah didaratkan pada tahun 2022.

DOF juga melaksanakan Kajian Keberkesanan Tukun Tiruan-Ekologi di 10 kawasan tukun tiruan pada tahun 2019 di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, termasuk Kelantan, Terengganu dan Pahang. Hasil kajian mendapati terdapatnya peningkatan jumlah biojisim di antara 129 hingga 6,047 kilogram di setiap lokasi.

Jumlah biojisim yang tertinggi adalah daripada tukun kuboid anti pukut tunda dengan jumlah 38 spesies ikan komersial bernilai RM84,759.60 dan tukun bot dengan jumlah 17 spesies ikan komersial yang bernilai RM1,824.50.

DOF juga sedang melaksanakan Kajian *Spill Over Effect* Taman Laut di perairan Pantai Barat iaitu di Pulau Payar, Kedah pada tahun 2024. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan kelimpahan populasi ikan kesan daripada pewartaan taman laut ke atas kawasan berdekatan di perairan Pantai Barat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAHI]

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAHI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mekanisme yang ada untuk mengawal bekalan dan harga sayur-sayuran di pasaran runcit untuk memastikan harga sentiasa terkawal dan bekalan kekal stabil dengan petani tidak menanggung kerugian dan pengguna pula dapat membeli sayur-sayuran dengan harga yang berpatutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited untuk memastikan pengeluaran sayur-sayuran tempatan adalah mencukupi dan pengimportan sayur-sayuran adalah terkawal bagi memenuhi keperluan rakyat. Pada tahun 2023, pengeluaran sayur-sayuran tempatan direkodkan sebanyak 1.16 juta tan metrik manakala 2.1 juta tan metrik sayur lagi diimport bagi memenuhi keperluan rakyat Malaysia terutama sayur-sayuran *temperate*.

Bagi memastikan bekalan sayuran adalah stabil dan mencukupi, Jabatan Pertanian (DOA) melaksanakan pemantauan pengeluaran melalui Sistem AgrisGeoPortal iaitu unjuran pengeluaran berdasarkan trend pengeluaran tahunan yang mengambil kira faktor cuaca dan musim perayaan bagi membolehkan bekalan ditingkatkan melalui pengimportan atau penjadualan pusingan tanaman. Manakala, menerusi Sistem GeoTanaman, lokasi penanaman dan maklumat pengeluaran bagi membolehkan padanan pasaran dibuat di antara pengeluar, pembekal, pemborong dan peruncit.

Untuk memastikan kestabilan bekalan sayur-sayuran di pasaran, mengurangkan kejatuhan harga jualan khususnya di peringkat ladang serta pengguna dapat membeli pada harga yang berpatutan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) Khidmat Pemasaran Ladang Kontrak (KPLK) yang memberi jaminan pasaran melalui Perjanjian Jual Beli (*Forward Agreement* - FA) dengan penawaran insentif harga lantai bagi komoditi terpilih;
- (ii) Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) yang bertujuan untuk membangunkan rakan strategik pemasar yang berperanan memperkukuhkan rangkaian pemasaran hasil pertanian tempatan;

- (iii) *Outlet* pemasaran yang merupakan platform jualan terus sayur-sayuran pada harga yang munasabah dan pengguna dapat membeli pada harga yang berpatutan menerusi *outlet* pemasaran jualan terus kepada pengguna seperti Pasar Tani, Pasar Tani Kekal dan Agrobazaar;
- (iv) Jualan Agro Madani iaitu ruang pasaran alternatif kepada petani untuk memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna dengan sasaran 5,000 sesi sepanjang tahun 2024; dan
- (v) Pusat operasi yang berperanan sebagai fasiliti pengedaran dan pemasaran untuk mengumpul, mengedar dan memasarkan hasil keluaran pertanian bertujuan untuk mengurangkan kos operasi yang ditanggung oleh petani/pengeluar.

Pemantauan dari segi harga adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) manakala pemantauan dari segi bekalan adalah di bawah KPKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan rancangan Kementerian untuk menaik taraf jalan-jalan balak di Parlimen Lubok Antu serta status terkini pelaksanaan projek Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu (Fasa 2), Projek Jalan Masuk ke Pelbagai Kampung di Sepanjang Ulu Batang Ai dan Projek Jalan Sebeliau-Bilalarap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan untuk menaik taraf jalan-jalan bekas balak di Sarawak khususnya di parlimen Lubok Antu adalah berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri. Pada setiap tahun di bawah permohonan *Rolling Plan*, Kementerian ini akan mengemukakan permohonan projek jalan luar bandar termasuk projek menaik taraf jalan-jalan bekas balak di Sarawak berdasarkan senarai keutamaan projek yang dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Pada masa ini, terdapat satu (1) projek menaik taraf jalan bekas balak di Lubok Antu yang telah diluluskan dan dalam peringkat pra-pelaksanaan. Projek tersebut melibatkan jajaran Lubok Antu-Simpang Lubok Antu/ Sebeliau / Uyau sepanjang 5km. Projek ini telah ditender pada penghujung tahun 2023 tetapi perlu ditender semula setelah penelitian semula kos dan skop oleh JKR Sarawak. Projek ini dijangka dapat ditender semula pada November 2024.

Manakala bagi projek Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu, Sarawak (Fasa 2), projek ini telah ditender pada Oktober tahun 2023 tetapi tidak dapat dimuktamadkan kerana tiada kontraktor yang berjaya. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak sedang dalam persediaan untuk tender semula bagi projek ini secara Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih yang dijangka pada awal November 2024.

Projek Jalan Masuk Ke Pelbagai Kampung Di Sepanjang Ulu Batang Ai, Lubok Antu, Bahagian Sri Aman dan Jalan Sebeliau-Bilararap, Bahagian Sri Aman, Sarawak pula sedang dalam proses memuktamadkan tender bagi pelantikan kontraktor di peringkat Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah dan perancangan membina jambatan kedua mengenai kesesakan yang sering berlaku di Jambatan Batu Pahat terutama pada waktu puncak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya komited untuk menyediakan kemudahan infrastruktur jalan raya terbaik untuk keselamatan dan keselesaan rakyat dan pada masa yang sama dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi negara

Kementerian ini mengambil maklum masalah kesesakan di Jambatan Batu Pahat yang terletak di FT5 Jalan Pontian - Batu Pahat - Muar. Sehubungan itu, disyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri atau JKR Negeri untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam Rolling Plan (RP) yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menerbitkan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau Highway Network Development Plan (HNDP) yang meliputi seluruh Malaysia yang mengenalpasti keperluan menaiktaraf jalan sedia ada atau membina jalan baharu yang melibatkan jalan persekutuan dan jalan utama negeri.

Kajian HNDP juga merangkumi pelbagai aspek kajian seperti isipadu trafik, guna tanah, ekonomi, alam sekitar dan sosio-ekonomi bagi mewujudkan rangkaian jalan raya yang lebih efisien melibatkan negeri dan wilayah-wilayah yang berkaitan. Pelaksanaan cadangan projek yang dikenalpasti dalam HNDP ini dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan mewujudkan rangkaian jalan raya yang lebih efisien.

Hasil semakan Kementerian ini mendapati terdapat cadangan pembinaan jambatan kedua di kawasan Batu Pahat yang dinyatakan di dalam kajian HNDP 2030 iaitu cadangan *New Road: Batu Pahat Bypass* dari Persimpangan Kampung Sungai Kajang hingga FT5 Jalan Johor Bahru - Pontian - Batu Pahat - Muar – Melaka berdekatan Taman Bandar dengan jarak sepanjang 7.78KM di bawah program pelaksanaan RMKe-12.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, **pelaksanaan projek - projek jalan yang dikenalpasti dalam kajian HNDP tersebut adalah tertakluk kepada permohonan dan keutamaan Negeri.** Prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaik taraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek apabila ia dimohon oleh Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan Negeri dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada agihan peruntukan pembangunan kepada Kementerian ini.

Berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, Kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina baharu jalan berdasarkan senarai keutamaan daripada Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah Kementerian menggalakkan penyertaan masyarakat bagi mengikuti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Enam, Tujuh dan Lapan yang secara dasar, Kerajaan telah bersetuju diiktiraf setaraf Ijazah Sarjana Muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah merangka beberapa langkah proaktif untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam mengikuti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Enam, Tujuh, dan Lapan. Salah satu langkah utama adalah dengan mengadakan sesi libat urus bersama para pemain industri untuk memberi penerangan dan mendapatkan maklum balas berkaitan pelaksanaan SKM Tahap Enam hingga Lapan terutamanya dalam bidang-bidang seperti Keselamatan Siber, Kimpalan, Kulinari, Pengurusan Pelabuhan dan Logistik. Langkah ini bagi memastikan program yang ditawarkan memenuhi keperluan dan harapan industri serta membantu meningkatkan minat dalam kalangan pekerja untuk mendapatkan pengiktirafan ke tahap yang lebih tinggi.

Selain itu, penglibatan badan profesional seperti *Malaysia Board of Technologists* (MBOT) turut diberi penekanan dalam usaha memberikan pengiktirafan yang lebih luas kepada pemegang SKM Tahap Enam hingga Lapan bagi memperkukuh nilai dan kredibiliti sijil tersebut di pasaran kerja.

Seterusnya, sesi townhall yang lebih luas bersama *stakeholder* akan diadakan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peluang-peluang yang ditawarkan di bawah SKM Tahap Enam hingga Lapan, selain membincangkan cabaran dan strategi untuk menarik lebih ramai peserta. Pendekatan berfokus ini akan membantu meningkatkan kebolehpasaran dan profesionalisme graduan dalam bidang-bidang yang berimpak tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE
BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh setiap Kementerian yang berkenaan mengenai projek air luar bandar di Sabah dan di Sarawak seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara dan apakah langkah segera yang perlu diambil bagi memastikan projek-projek semasa dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek infrastruktur luar bandar termasuk projek bekalan air.

Prestasi pelaksanaan projek turut dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bersama (JTB) yang dipengerusikan bersama oleh YAB Menteri KKDW dan Ketua Menteri Sabah dan Timbalan Premier Sarawak serta Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Perancangan dan Pemantauan Projek KKDW bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW yang telah dijadualkan dilaksanakan 2 kali setahun.

Kementerian amat komited untuk melaksanakan projek dengan lebih efisien dan sedang mengambil tindakan untuk menambah baik Garis Panduan Pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi memastikan objektif projek tercapai dan memberi manfaat kepada golongan sasaran yang terlibat.

Antara langkah untuk menyegerakan pelaksanaan projek-projek BALB adalah dengan menyambut baik pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Sabah dan Sarawak sebagai Jabatan Teknik. Dengan pengiktirafan ini, Kerajaan Sabah dan Sarawak diberi kuasa untuk memuktamadkan proses perolehan projek yang bernilai RM50 juta dan ke bawah.

Kementerian telah dipanggil untuk memberikan pembentangan sebanyak dua (2) kali kepada Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen yang telah berlangsung pada 30 Julai 2024 dan 2 Oktober 2024 serta lawatan tapak oleh Ahli-Ahli PAC ke projek-projek yang terlibat di dalam LKAN 2/2024 di Parlimen Sandakan, Beluran dan Libaran pada 30 September 2024 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perbezaan dalam konteks objektif, fungsi, peranan dan sasaran bagi Johor-Singapore Special Economic Zone dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) merupakan badan berkanun Kerajaan Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta 664 dengan objektif untuk membangunkan Wilayah Iskandar Malaysia bagi mencapai visi iaitu menjadi suatu metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mapan. Fungsi utama IRDA dalam mencapai objektif ini termasuk:

- (i) merancang dan mengesyorkan dasar dan strategi pembangunan;
- (ii) memajukan dan merangsang ekonomi wilayah tersebut;
- (iii) menyelaras dan memudahcara aktiviti berkaitan ekonomi dan pelaburan untuk menarik pelaburan sama ada dari dalam atau luar negara.

2. Wilayah Iskandar Malaysia pula merujuk kepada wilayah ekonomi pertama di Malaysia yang dilancarkan pada tahun 2006 di selatan Semenanjung Malaysia, berkeluasan 2,300 km persegi dan melingkupi keseluruhan daerah Johor Bahru dan Kulai, dan sebahagian daerah Pontian (Mukim Jeram Batu, Sungai Karang, Serkat dan Ayer Masin). Berdasarkan pelan induk Wilayah Iskandar Malaysia yang terkini iaitu Rancangan Pembangunan Komprehensif III 2022-2030, wilayah ini mempunyai beberapa sasaran utama pada tahun 2030.

3. Pembangunan *Johor-Singapore Special Economic Zone* (JS-SEZ) pula merujuk kepada zon ekonomi khas yang diwujudkan melalui usahasama di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura yang dirancang untuk meningkatkan daya tarikan ekonomi di antara Malaysia dan Singapura bagi menarik pelaburan asing dengan memanfaatkan kekuatan kedua-dua negara sebagai pelengkap untuk mengimbangi kelemahan. Objektif utamanya adalah untuk menggalakkan hubungan perniagaan yang lebih kukuh di antara kedua-dua negara, meningkatkan ketersambungan rentas sempadan, memudahkan pergerakan personel

dan barangan yang lebih bebas serta memperkukuh ekosistem perniagaan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang mesra pelabur.

4. Lokasi JS-SEZ meliputi seluruh kawasan Iskandar Malaysia (IM) dan kawasan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Pengerang dengan keluasan 3505.3km². Keutamaan pembangunan JS-SEZ bergantung kepada beberapa faktor termasuk ketersediaan tanah dan infrastruktur. Pembangunan JS-SEZ akan memberi tumpuan kepada sektor-sektor yang selari dengan dasar-dasar semasa Kerajaan seperti Rancangan Malaysia, *New Industrial Master Plan 2030* (NIMP), *National Energy Transition Roadmap* (NTER) dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan peruntukan khusus yang disediakan untuk pembangunan infrastruktur asas di Kinabatangan bagi mengurangkan kadar kemiskinan serta rancangan jangka panjang dalam memastikan kesejahteraan ekonomi kawasan luar bandar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) terus menumpukan usaha kepada perancangan dan pelaksanaan program/projek untuk menggalak dan mempercepat pembangunan ekonomi serta merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak. Di samping itu, penekanan turut diberi kepada mengoptimalkan peluang daripada kerjasama sub serantau serta mempergiat pembangunan di wilayah tersebut. Antara strategi yang disarankan adalah untuk membangunkan aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi, meningkatkan pelaburan berkualiti dan meningkatkan aktiviti ekonomi rentas sepadan.

2. Pembangunan di Sabah terus menjadi keutamaan untuk mencapai pembangunan wilayah yang lebih seimbang dan meningkatkan ketersambungan bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi. Tumpuan yang lebih akan diberi untuk mempertingkatkan penyediaan infrastruktur, mengoptimalkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, mempertingkat pembangunan inklusif, meningkatkan kesejahteraan rakyat, dan memperkukuh pendekatan keseluruhan kerajaan. Usaha ini akan menggalakkan pembangunan inklusif dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di Sabah.

3. Dalam usaha merealisasikan pembangunan yang seimbang, pembangunan di kawasan luar bandar tidak dilupakan. Dalam hal ini, khususnya di Parlimen Kinabatangan sebanyak 22 projek/program dengan peruntukan sebanyak RM97.49 juta diluluskan di bawah peruntukan *Rolling Plan* 4 Tahun 2024. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program/projek di bawah butiran Jalan Luar Bandar (JALB), Jambatan Luar Bandar (JMLB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Program Bersepadu Pemajuan Kawasan dan Program Lonjakan Mega Luar Bandar melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

4. Selain itu, antara strategi dan inisiatif yang dilaksanakan bagi menangani kemiskinan dan meningkatkan pembangunan ekonomi serta merapatkan jurang pembangunan kawasan luar bandar di Sabah adalah melalui peningkatan akses kepada kemudahan asas seperti berikut:

- i. Mempergiat penyediaan infrastruktur asas di kawasan luar bandar dan pedalaman antaranya beberapa pakej Lebuhraya Pan Borneo yang dapat meningkatkan ketersambungan dan mobiliti;
- ii. Meningkatkan liputan bekalan air luar bandar termasuk bekalan air alternatif dan sistem sanitasi;
- iii. Meningkatkan liputan bekalan elektrik luar bandar termasuk bekalan Isu kekurangan penjanaan elektrik di pantai timur Sabah akan diselesaikan melalui pembinaan loji janakuasa baharu dan kerja menaik taraf talian penghantaran Grid Timur-Barat Sabah dan bekalan elektrik alternatif;
- iv. Menambah baik kesalinghubungan pengangkutan antara kawasan luar bandar dan bandar bagi menggalakkan lagi integrasi ekonomi; dan
- v. Memperluas liputan jalur lebar bagi meningkatkan aktiviti sosioekonomi melalui platform digital dengan pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) ini termasuk penyediaan tapak infrastruktur digital di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perkembangan terkini rawatan dan pemulihan rakyat Palestin yang dibawa masuk ke Malaysia bagi tujuan perubatan. Nyatakan bentuk rawatan yang diberikan dan pendirian Kerajaan terhadap sentimen ekstrem yang mempertikaikan usaha Kerajaan dengan mengatakan tindakan itu adalah bertujuan survival politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak 16 Ogos 2024, Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah membawa 41 orang pesakit rakyat Palestin bersama 86 waris ke Malaysia menggunakan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Kesemua pesakit yang dibawa telah diberikan rawatan oleh doktor-doktor pakar dan staf-staf perubatan ATM di Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan yang membabitkan Bahagian *Orthopaedic, Paediatric* dan *Obstetrics and Gynaecology*.
2. Sehingga 6 Oktober 2024, kesemua pesakit telah menerima rawatan yang sewajarnya dan 37 orang pesakit telah dibenarkan keluar wad, dan masih berbaki 4 orang pesakit yang masih lagi dalam rawatan.
3. Berhubung dengan pandangan ekstrem yang mempertikaikan usaha Kerajaan membawa masuk rakyat Palestin ke Malaysia bagi tujuan survival politik adalah tidak benar. Ini kerana Kerajaan sentiasa mengambil berat keadaan rakyat Palestin yang ditindas sejak berdekad lamanya. Kerajaan mengecam tindakan keganasan oleh *Israel Defence Force* (IDF) ke atas rakyat Palestin khususnya di Gaza sejak 7 Oktober 2023 di mana peperangan ini menyebabkan seramai 96,625 orang cedera dan 41,689 orang awam terkorban dengan 70% daripada mereka adalah wanita dan kanak-kanak.
4. Atas dasar kemanusiaan dan solidariti bersama rakyat Palestin yang tidak bersalah, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membantu sebilangan rakyat Palestin yang menjadi mangsa perang untuk diberikan rawatan, pembedahan dan pemulihan yang sewajarnya. Misi bantuan kemanusiaan ini dilaksanakan ekoran kelumpuhan sistem kesihatan di Gaza akibat serangan IDF yang berterusan.

NO SOALAN : 46

5. Oleh yang demikian, Kerajaan berpandangan bahawa misi bantuan kemanusiaan ke atas rakyat Palestin ini merupakan usaha murni yang wajar disokong oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira perbezaan fahaman agama, kaum dan politik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan usaha yang telah dijalankan pihak Kerajaan dalam membasmi kemiskinan rakyat secara menyeluruh khususnya melibatkan orang Melayu dan Bumiputera dengan mengamalkan prinsip keadilan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan terus beriltizam untuk membasmi kemiskinan khususnya kemiskinan tegar tanpa mengira latar belakang kaum dan wilayah menerusi pendekatan baharu yang memberi penekanan kepada usaha mengatasi masalah struktur ekonomi bagi membolehkan isi rumah miskin menjana pendapatan tambahan secara mampan di bawah Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat bagi mengangkat darjat dan taraf hidup rakyat.
2. Berdasarkan HIES 2022, insiden kemiskinan peringkat nasional pada tahun 2022 adalah 6.2% (487.6 ribu isi rumah). Manakala dalam tempoh yang sama insiden kemiskinan mengikut kumpulan etnik adalah Bumiputera (7.9 peratus), Cina (1.9 peratus), India (5.4 peratus) dan lain-lain (6.5 peratus).
3. Berdasarkan kadar kemiskinan yang tinggi dalam kalangan etnik Bumiputera, Kerajaan terus memberikan tumpuan terhadap usaha membasmi kemiskinan rakyat secara menyeluruh khususnya melibatkan orang Melayu dan Bumiputera dengan mengamalkan prinsip keadilan berdasarkan keperluan (*needs based*) seperti mana prinsip MADANI.
4. Beberapa strategi dan langkah jangka pendek dan jangka panjang dalam Bajet 2024 dan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas sedang dan akan dilaksanakan Kerajaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan serta meningkatkan darjat hidup rakyat selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI.
5. Dalam mempergiatkan usaha membasmi kemiskinan, Kementerian Ekonomi melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat atau IPR iaitu merangkumi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). IPR merupakan pelengkap kepada program-program pembasmian kemiskinan sedia ada yang telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Di bawah IPR, templat program meliputi ekosistem yang

lengkap dibangunkan dan bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2024 telah melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna bagi mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. PuTERA35 memberi penekanan terhadap tiga teras utama, iaitu Memperkukuh Pasak Ekonomi Negara; Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi dan Menegakkan Keadilan Sosial. Teras ini disokong oleh 12 pemacu dalam isu dan cabaran Bumiputera.

7. Di bawah Pemacu 9: Pembasmian Kemiskinan Tegar, Kerajaan telah menggariskan empat (4) ikhtiar dalam usaha pembasmian kemiskinan. Antara ikhtiar ini termasuk mempertingkatkan dan mempelbagaikan sumber pendapatan isi rumah miskin, memperluaskan program celik teknologi khususnya dalam kalangan pelajar miskin, meningkatkan akses kepada keperluan asas seperti perumahan, pendidikan dan kesihatan kepada Bumiputera serta merangka pelan pembangunan luar bandar yang lebih komprehensif.

8. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mensasarkan peratusan insiden kemiskinan tegar Bumiputera sifar pada tahun 2035 di bawah PuTERA35.

Sekian, terima kasih.